



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

#### **PEGAWAI II KAPAL PERIKANAN (C.1-2 EB.3) JABATAN PERIKANAN**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI II KAPAL PERIKANAN  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Marine / Perikanan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perikanan sebagai Serang Tingkat I atau jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Bagi pemohon syarat (1.b) dan (1.c), hendaklah mempunyai Sijil Kecekapan Kelas Enam (6) / Kelas Tujuh (7) / Kelas Lapan (8).
3. Berkebolehan di dalam mengendalikan kapal-kapal di bawah 500 tan kasar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan makna tanda-tanda pelayaran adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengetahuan yang luas dalam ilmu pelayaran dan Teknologi menangkap ikan.
5. Mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu menyediakan *Sailing Orders* dan memastikan persediaan-persediaan dibuat sebelum pelayaraan kapal;
2. Membantu menjadualkan *Watch Duty* semasa perjalanan kapal;
3. Bertanggungjawab kepada Kaptan Kapal atau alat-alat Navigasi termasuk percatatan alat-alat tersebut, alat-alat ganti serta *Navigation Performance* di atas kapal;
4. Mengambil bahagian dalam operasi penangkapan ikan;
5. Menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal;
6. Mengawasi kakitangan bawah;
7. Membantu Unit Teknikal Bergerak untuk menilai kapal-kapal tangkapan ikan komersial;
8. Membantu Unit Teknikal Bergerak untuk menilai alat-alat menangkap ikan;
9. Menjalankan pemeliharaan di atas kapal dan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan
10. Menerima dan melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Divisyen, Ketua Seksyen dan Pegawai-Pegawai atasan yang lain dari semasa ke semasa.